

Headline **Masyarakat perlu waspada anasir dadah**
Date **29 Apr 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S24**
Article Size **272 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,496**
PRValue **4,488**



Masyarakat perlu waspada anasir dadah

PANTAI SEPANG PUTRA - Masyarakat India di sekitar kawasan ini diingatkan agar sentiasa berwaspada terhadap ancaman penularan najis dadah yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) Sepang, Mahful Wahid berkata, golongan ibu bapa perlu memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan penularan najis dan sentiasa mengambil tahu aktiviti yang mereka lakukan.

"Kita tidak boleh membiarkan masalah dadah menggugat negara dan membiarkan generasi muda kita terjejas dalam usaha kerajaan melahirkan modal insan kelas pertama.

"Kita sedia maklum bahawa masalah dadah tidak mengenal kaum, agama, usia dan jantina. Dadah akan menghancurkan kesejahteraan setiap individu, keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis bersama komuniti India di sini bersempena perayaan kaum berkenaan, baru-baru ini.



● Mahful (tengah) merakam kenangan bersama penerima sumbangan pada majlis bersama komuniti India.

Mahful berkata, selain itu masalah ini juga menyumbang kepada peningkatan gejala sosial, kejadian jenayah, keganasan, pembunuhan, peningkatan kes HIV/AIDS dan keruntuhan institusi kekeluargaan.

Katanya, sekali terjebak dengan gejala dadah amat sukar untuk mencari jalan keluar dan kini pelbagai dadah baru yang dikenali sebagai dadah sintetik dihasilkan pihak tidak bertanggungjawab, maka sebagai warga masya-

rakat kita perlu mengorak langkah dalam memastikan anak-anak kita bebas daripada ancaman berkenaan.

Menurutnya, keadaan ini semakin meruncing berikutan kedudukan daerah ini yang menjadi pintu masuk kepada kes penyeludupan dadah ke dalam negara oleh warga asing.

"Dadah boleh menghancurkan anak-anak bangsa dan negara, pelbagai usaha dilakukan kerajaan bahkan banyak organisasi bukan

kerajaan (NGO) turut ditubuhkan bagi mengekang isu ini.

"Besarlah harapan saya sekiranya masyarakat dapat memainkan peranan mereka dengan membantu menjayakan usaha murni kita membanteras gejala ini," katanya.

Terdahulu, pada majlis yang sama beberapa keluarga miskin turut menerima bantuan barangan dapur sepanjang program berlangsung.